

# KUTKM meterai MoU wujud perkongsian pintar

Archival News | Berita Harian | 19/02/2004 | Author: Daud Awang

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan lima syarikat gergasi dalam usahanya mewujudkan perkongsian pintar antara industri dengan universiti berkenaan.

Lima syarikat terbabit ialah DRB-Hicom Berhad, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CRTM), Robomatics (Melaka) Sdn Bhd, MRJ Technologies Sdn Bhd dan KRU Berhad.

Majlis perjanjian itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Pengerusi DRB-Hicom yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd Salleh Sulong dan Pengerusi CTRM, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus di Seri Negeri, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, DRB-Hicom diwakili Pengurus Tadbir Korporat dan Hal Ehwal Perundangannya, Mohd Nor Mohamad; CTRM, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Francis Hiew Nyuk Fah; Robomatic (Melaka) Sdn Bhd, Pengarah Urusannya, Peter Tseng Chow Ming, MRJ Technologies, Pengerusinya, Ibrahim Fadzil; KRU Berhad, Presidenya, Norman Abdul Hamid dan KUTKM, Rektornya, Datuk Prof Mohd Ruddin Ab Ghani.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Mohd Salleh berkata, perjanjian itu antara lain bertujuan memberi pendedahan teknologi bertaraf dunia kepada kakitangan akademik dan teknikal serta pelajar KUTKM.

Katanya, sebagai permulaan, seramai 400 pelajar akan diberi peluang mengikuti latihan industri di lima syarikat terbabit dalam tempoh enam bulan mulai tahun ini sebagai sebahagian daripada kursus mereka.

"Ini sudah tentu akan meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi kepada mereka untuk menambah pengalaman dalam tempoh tertentu sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

"Selain itu, melalui perjanjian ini juga diharap dapat meningkatkan lagi bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D), membolehkan pertukaran staf akademik dan menjalinkan kerjasama dengan lebih menyeluruh dengan syarikat terbabit," katanya.

Beliau berkata, perjanjian persefahaman itu adalah kali ketiga diadakan dan sebelum ini KUTKM turut mengadakan perjanjian persefahaman dengan universiti dari Jerman dan United Kingdom.

(END) Source : Berita Harian